

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 6 DISEMBER 2013 (JUMAAT)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1.	Industri kimia dijangka berkembang pesat	KOSMO
2.	Pelantikan IKM majukan industri kimia negara	Harian Metro
3.	Industri kimia negara berkembang	Utusan Malaysia
4.	Industri kimia negara dijangka mampu berkembang pesat dan lebih berdaya saing menerusi IKM	Bernamea.com
5.	Beberapa negeri hujan hari ini	Utusan Malaysia
6.	Efforts in place	The Malay Mail
7.	Flood victims may get cas haid	New Straits Times
8.	Banjir: Banjir di Pahang meragut mangsa pertama, dua hilang di hanyut arus	Bernamea.com

KERATAN AKHBAR  
KOSMO (NIAGA) : MUKA SURAT 55  
TARIKH: 06 DISEMBER 2013 (JUMAAT)

## Industri kimia dijangka berkembang pesat

KUALA LUMPUR - Industri kimia negara dijangka mampu berkembang pesat dan lebih berdaya saing di peringkat antarabangsa.

Ini kerana pelantikan Institut Kimia Malaysia (IKM) sebagai Agensi Pembangunan Standard (SDA), kata Jabatan Standard Malaysia.

Ketua Pengarahnya, Fadilah Baharin berkata, IKM diberi mandat untuk membangunkan standard berdasarkan kepakaran dan pengalamannya dalam bidang kimia dan bahan, termasuk nanoteknologi serta aplikasi bioteknologi perindustrian.

"Eksport terbesar negara ialah produk kimia hasil daripada industri minyak dan gas dan industri berkaitan.

"Pelantikan IKM merupakan



EWON (dua dari kiri) menyerahkan Anugerah Khas Standard Malaysia 2013 kepada Tan Sri Dr. Ahmad Tajudin Ali (tiga dari kanan) di Kuala Lumpur semalam.

kejayaan besar disebabkan kami mahu piawaian itu dibangunkan oleh industri kepada industri," katanya.

Beliau berkata demikian pada

sidang akhbar sempena Majlis Anugerah Standard dan majlis menandatangani persefahaman antara jabatan itu dan IKM di sini semalam.

Turut hadir ialah Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin.

Melangkah ke hadapan, Fadilah berkata, jabatan tersebut merancang untuk memperbanyakkan SDA dalam pelbagai sektor bagi membolehkan negara berdaya saing di samping menitikberatkan piawaian produk.

Jelas beliau, antara industri yang semakin berkembang dan berpotensi ialah produk halal dan plastik.

"Di dunia ini tiada lagi badan yang berwibawa untuk membangunkan standard halal, kecuali Malaysia.

"Pada masa ini kami sedang mengkaji beberapa institusi yang kami fikir cukup berwibawa untuk membangunkan piawaian yang baik," katanya. - Bernama

## Pelantikan IKM majukan industri kimia negara

**Kuala Lumpur:** Jabatan Standard Malaysia menjangkakan industri kimia negara mampu berkembang pesat dan lebih berdaya saing di peringkat antarabangsa berikutan pelantikan Institut Kimia Malaysia (IKM) sebagai Agensi Pembangunan Standard (SDA).

Ketua Pengarah Jabatan Standard Malaysia, Fadilah Baharin berkata, IKM diberi kepercayaan bagi membangunkan standard berdasarkan pengalaman dan kepakarannya dalam bidang kimia dan bahan, termasuk aplikasi bioteknologi perindustrian dan nanoteknologi.

"Kami sentiasa melakukan pelbagai kajian bagi meningkatkan standard dan pelantikan IKM adalah kejayaan besar berikutan permintaan jabatan kami yang mahukan piawaian itu di-

“ Kami sentiasa melakukan pelbagai kajian bagi meningkatkan standard dan pelantikan IKM”

**Fadilah Baharin**

bangunkan oleh industri kepada industri.

"Hasil daripada industri minyak dan gas serta industri lain berkaitan, eksport terbesar negara ialah produk kimia," katanya sempena Majlis Anugerah Standard dan majlis menandatangani persefahaman (MoU) antara jabatan itu dan IKM, semalam.

Turut hadir, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datuk Dr Ewon Ebin, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) MOSTI Da-

tuk Mohd Azhar Yahaya dan Pengerusi Majlis Standard dan Akreditasi Malaysia Tan Sri Mustafa Mansur.

Terdahulu, jabatan itu melantik SDA pertama iaitu Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia bagi sektor perindustrian negara pada September lalu.

Menurut Fadilah lagi, jabatannya merancang bagi menambah lagi bilangan SDA dalam pelbagai sektor bagi membolehkan negara berdaya saing, di samping memberi penekanan terhadap piawaian produk.

Katanya, antara industri yang semakin berkembang dan menepati standard yang ditetapkan ialah produk halal dan plastik.

"Tiada negara lain di dunia ini yang berjaya dan berwibawa untuk membangunkan standard halal, kecuali Malaysia," katanya.

**KERATAN AKHBAR  
UTUSAN MALAYSIA (BISNES) : MUKA SURAT 28  
TARIKH: 06 DISEMBER 2013 (JUMAAT)**

**Industri kimia  
negara  
berkembang**

KUALA LUMPUR 5 Dis. - Industri kimia negara dijangka mampu berkembang pesat dan lebih berdaya saing di peringkat antarabangsa berikutan pelantikan Institut Kimia Malaysia (IKM) sebagai Agensi Pembangunan Standard (SDA), kata Jabatan Standard Malaysia.

Ketua Pengarahnya, Fadilah Baharin berkata, IKM diberi mandat bagi membangunkan standard berdasarkan kepakaran dan pengalamannya dalam bidang kimia dan bahan, termasuk nanoteknologi serta aplikasi bioteknologi perindustrian.

"Eksport terbesar negara ialah produk kimia hasil daripada industri minyak dan gas dan industri berkaitan.

"Pelantikan IKM merupakan kejayaan besar disebabkan kami mahu piawaian itu dibangunkan oleh industri kepada industri," katanya pada sidang media sempena Majlis Anugerah Standard dan majlis menandatangani persefahaman antara jabatan itu dan IKM hari ini.

- BERNAMA



## Industri Kimia Negara Dijangka Mampu Berkembang Pesat & Lebih Berdaya Saing Menerusi IKM

KUALA LUMPUR, 5 Dis (Bernama) -- Industri kimia negara dijangka mampu berkembang pesat dan lebih berdaya saing di peringkat antarabangsa berikutan pelantikan Institut Kimia Malaysia (IKM) sebagai Agensi Pembangunan Standard (SDA), kata [Jabatan Standard Malaysia](#).

[Ketua Pengarahnya Fadilah Baharin](#) berkata IKM diberi mandat bagi membangunkan standard berdasarkan kepakaran dan pengalamannya dalam bidang kimia dan bahan, termasuk nanoteknologi serta aplikasi bioteknologi perindustrian.

"Eksport terbesar negara ialah produk kimia hasil daripada industri minyak dan gas dan industri berkaitan.

"Pelantikan IKM merupakan kejayaan besar disebabkan kami mahu piawaian itu dibangunkan oleh industri kepada industri," katanya pada sidang media sempena Majlis Anugerah Standard dan majlis menandatangani persefahaman antara jabatan itu dan IKM Khamis.

### [Turut hadir Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin.](#)

Pada September 2013, jabatan itu melantik SDA pertama, Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia - bagi sektor perkayuan negara.

Melangkah ke hadapan, Fadilah berkata jabatan tersebut merancang untuk memperbanyakkan lagi SDA dalam pelbagai sektor bagi membolehkan negara berdaya saing, di samping menitikberatkan piawaian produk.

Katanya antara industri yang semakin berkembang dan berpotensi ialah produk halal dan plastik.

"Di dunia ini tiada lagi badan yang berwibawa untuk membangunkan standard halal, kecuali Malaysia.

"Pada masa ini kami sedang mengkaji beberapa institusi yang kami fikirkan cukup berwibawa untuk membangunkan piawaian yang baik," katanya.

KERATAN AKHBAR  
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERA) : MUKA SURAT 19  
TARIKH: 06 DISEMBER 2013 (JUMAAT)


Beberapa  
negeri  
hujan  
hari ini

KUALA LUMPUR 5 Dis. - Cuaca di Kedah, Perlis, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Selangor esok diramal mendung pada sebelah pagi manakala beberapa tempat di Kelantan, Terengganu, Johor, Pahang, Sabah dan Sarawak akan mengalami hujan.

Menurut Jabatan Meteorologi, beberapa tempat di Kelantan, Terengganu dan Pahang akan mengalami hujan pada sebelah petang dan ribut petir dijangka melanda beberapa tempat di Johor, Kedah, Melaka, Negeri Sembilan, Perak, Perlis, Putrajaya, Selangor, Wilayah Persekutuan, Sabah dan Sarawak.

Pada sebelah malam, beberapa kawasan sekitar Kelantan, Terengganu, Negeri Sembilan, Pahang, Selangor, Sabah dan Sarawak akan mengalami hujan manakala Johor, Putrajaya serta sekitar ibu negara mendung sementara tempat-tempat lain dijangka tidak mengalami hujan.

**KERATAN AKHBAR**  
**THE MALAY MAIL (WEEKLY RUNNER) : MUKA SURAT 16**  
**TARIKH : 6 DISEMBER 2013 (JUMAAT)**



## Efforts In Place

Authorities swing into action  
as floods hit three states

**IN TROUBLED WATERS:** The Sungai Charu Bridge at Km28 Jalan Sungai Lembing in Kuantan was flooded after relentless rain

HEAVY rain over the past few days saw various authorities mobilising massive flood relief efforts.

Taking the cue from the monster Typhoon Haiyan that battered the Philippines and brought to fore severe shortcomings in rescue and aid missions, the relevant agencies here showed they were well-prepared.

The National Security Council was had sent early assistance and supplies to flood-prone areas, said Communications and Multimedia Minister Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek.

with more than 11,281 people from 2,663 families relocated to relief centres.

The National Security Council said the number of evacuees in four districts in Johor was 5,552 as of yesterday evening.

In Pahang, 5,393 people from Kuantan, Maran, Pekan and Rompin were forced to leave their homes as the floods worsened.

Terengganu has the lowest number of evacuees so far at 803, with floods inundating Dungun, Hulu Terengganu and Kemaman.

Bachok, Kedah (Sik, Baling and Padang Terap) and Perak (Hulu Perak), intermittent rain was expected to continue until tomorrow.

Evacuation efforts were swift as the various departments and agencies involved had been preparing in anticipation of the year-end rainy season which often results in massive flooding.

pregnant women in flood-prone areas in Pahang were also identified to assist them should they give birth when the floods hit.

Johor was also better prepared to handle the situation.

The police, Fire and Rescue Department as well as the Civil Defence Department along with volunteers had been preparing in advance.

The Fire and Rescue Department in Kemaman had conducted flood rescue training exercises with 33 officers from three fire departments in Chukai, Kemaman and Cheneh Baru taking part.

The officers were also trained on how to handle rescue boats as well as other training modules related to rescue work during floods.



**IN SAFE ARMS:** Youths from Kampung Galing, Kuantan, carry 94-year-old Hassan Babu as floodwaters in his village rose on Monday night



**HELPING HAND:** Friends and relatives help Ahmad Fazley Abdullah (back, left) push his car in Kampung Razali in Kuantan

Bernama reported that the Information Department was also directed to deploy its personnel to the affected areas to ensure victims were well-informed on the flood situation in their areas.

A 17-year-old youth drowned in Kampung Padang Kubu, Kijal in Terengganu on Monday, while a child is missing, also in Kijal.

More than 100 relief centres have been set up in the three states.

The number of flood victims in Johor, Pahang and Terengganu has escalated

Mersing recorded the highest number of evacuees in Johor with 4,247 leaving their homes, while in Rompin, Pahang, 2,595 people were evacuated.

The Meteorological Department said intermittent rain in Pahang (Jerantut and Maran) and Terengganu (Besut, Setiu, Kuala Terengganu, Marang and Hulu Terengganu) was expected to continue today.


In Kelantan (Tumpat, Kota Baru, Pasir Mas, Tanah Merah, Machang, Pasir Puteh and

Pahang began making preparations for the floods that were predicted to hit the state at the end of last month.

Pahang state secretary Datuk Seri Muhammad Saifan Ismail had said 79 relief centres had been identified. Food supplies worth RM1.2 million were also placed at 73 bases on Nov 18.

He also said 6,000 personnel from 14 departments and agencies would be directly involved in helping out flood victims.

It was reported that 4,208



**VALUABLE EGGS:** A Sungai Lembing resident carries several cartons of eggs as many others carry food and other basic necessities while crossing the Sungai Charu bridge in Kuantan to higher ground

# Flood victims may get cash aid

**CARING GOVT: PM**  
promises appropriate  
aid for those facing  
difficulties

KUANTAN

**T**HE government is considering handing out special financial aid to flood victims in Johor, Pahang, Terengganu and Kelantan.

Prime Minister Datuk Seri Najib Razak said the government has always strove to help the people, especially those facing difficulties, such as victims of the floods, which had displaced about 45,000 people across four states.

In previous years, assistance had been provided for flood victims, including a one-off payment of RM500 in cash aid and allocations to repair their homes.

"We will look into the appropriate aid," he said here yesterday after taking a helicopter ride to view the devastation wrought by the floods in his home state of Pahang.

Najib, who is also Umno president and Pekan MP, left the party's general assembly after delivering his policy speech at the Putra World Trade Centre in Kuala Lumpur yesterday for the unscheduled visit.

He left the RMAF base in Subang at 1pm for a four-and-half hour whirlwind visit before returning to Kuala Lumpur at 5.30pm.

Najib, accompanied by his wife Datin Seri Rosmah Mansor, Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob and Rompin MP Datuk Seri Dr Jamaluddin Jarjis, also visited the relief centres at SMS Sultan Ahmad Shah and SK Sinar Mutiara in Pekan and SK Sungai Puteri in Rompin.

He said he was satisfied with the overall performance of the agencies tasked with helping flood victims, while also acknowledging the delay in aid distribution on the first day of floods here, as some relief centres were inaccessible.

"This is a good lesson for us, as even a three-tonne truck was unable to pass through the flooded roads.

"We will use bigger vehicles in future," he said, adding that some of the roads were also rendered impassable after members of the public parked their cars along certain stretches.

The same problem, he said, had also made it difficult to send boats to affected areas, while the use of helicopters was limited due to the problems of finding suitable landing sites.

Najib said from the air, he could see how bad the situation was in the affected areas.

"The water rose fast and has affected a very wide area. Our resources are stretched, but the situation has improved."

Najib advised people living on the east coast to be prepared for the possibility of another round of floods, as the monsoon season drags on to March.

Deputy Prime Minister Tan Sri



**Datuk Seri Najib Razak** meeting flood evacuee **Mariam Hussin**, 83, in SK Sinar Mutiara in Pekan yesterday. He says he is satisfied with the performance of agencies tasked to help flood victims.



FLOOD HAVOC

Muhyiddin Yassin, who is due to visit Kemaman, Terengganu today, urged the agencies involved in flood relief efforts to follow standard operating procedures set by the government.

"We need to intensify our efforts to ensure the safety of flood victims, especially if the situation worsened," he said, adding that the floods in Pahang, Terengganu and Johor were due to unusually heavy rainfall.

"We did not expect the floods this year to be this severe, as it is an annual event in the east coast."

The Malaysian Meteorological Department (MMD) said a com-

ination of heavy rainfall and high tide was the main cause behind the widespread flooding.

Its central forecast division director, Muhammad Helmi Abdullah, said the presence of a new moon on Dec 3 caused high tides, exacerbating the situation.

"When sea water rises to its highest level, covering much of the shore, it pushes into the river mouth and causes water to overflow."

The Heavy Rain Warning (Orange Stage) and Heavy Rain Advisory (Yellow Stage) for Kelantan, Terengganu, Pahang, Kedah and Perak was lifted at 9.09am yesterday as the situation eased.

"Episodes of heavy rainfall have stopped this morning, but the floods will continue for a few more days due to the high tides.

"The condition will improve in due time, as the strong winds and high waves will ebb by Saturday."





## **BANJIR (Rangkuman): Banjir Di Pahang Meragut Mangsa Pertama, Dua Hilang Dihanyut Arus**

KUANTAN, 5 Dis (Bernama) -- Banjir di Pahang meragut satu nyawa, Mohamed Alif Khalid, 21, yang dijumpai lemas petang semalam di Sungai Kampung Sepial, Kuala Tembeling, Jerantut.

Dua beranak, Jamali Jani, 45, Anggota Jawatankuasa Umno bahagian Pekan dan anak lelakinya Megat Mohd Nazli Jamli, 17, hilang apabila terjatuh ke dalam air semasa memindahkan barang di Perkampungan Sungai Isap di sini kira-kira 7.30 malam tadi.

Kejadian berlaku dalam keadaan banjir semakin buruk di Pahang dan negeri- negeri pantai timur dengan jumlah yang dipindahkan ke pusat pemindahan banjir semakin meningkat.

Menurut Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pahang, jumlah mangsa banjir yang dipindahkan ke pusat pemindahan banjir kini mencecah 38,323 orang dari 9,153 keluarga.

Mereka ditempatkan di 122 pusat pemindahan dalam tujuh daerah sehingga pukul 8 pagi tadi.

Daerah Kuantan masih mencatat jumlah pemindahan mangsa tertinggi iaitu seramai 30,307 orang dari 1,561 keluarga yang ditempatkan di 85 pusat pemindahan.

Di Rompin, sejumlah 4,289 mangsa ditempatkan di 15 pusat pemindahan dan di Pekan, 3,037 mangsa banjir ditempatkan di 11 pusat pemindahan. Di Maran, 637 mangsa ditempatkan di enam pusat pemindahan dan Jerantut, 25 mangsa ditempatkan dua pusat pemindahan.

Di Lipis seramai 21 mangsa ditempatkan di dua pusat pemindahan dan di Temerloh, tujuh mangsa ditempatkan di satu pusat pemindahan.

Di KUALA TERENGGANU, jumlah mangsa yang dipindahkan ke 101 buah pusat pemindahan meningkat kepada 7,780 orang pada sebelah pagi berbanding 5,393 orang malam tadi.

Menurut portal Majlis Keselamatan Negeri (MKN), keadaan banjir semakin kritikal dengan Besut merupakan daerah terbaharu yang dilanda, dengan 102 orang daripada 24 keluarga dipindah ke enam pusat pemindahan sejak 4 pagi tadi.

Pusat pemindahan itu merupakan Balairaya Kampung Renek, Dewan Serbaguna Kampung Padang Bual, Dewan Sivik Pasir Akar, SK LKTP Tenang, Surau Kayu Kelat dan Surau Kampung Bukit Mali.

Kemaman masih merupakan kawasan paling teruk terjejas dengan seramai 3,840 orang dari 916 keluarga dipindahkan.

Sultan Terengganu Sultan Mizan Zainal Abidin pagi ini berkenan melawat pusat pemindahan di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Ismail II dan Sekolah Kebangsaan Seri Iman, Kemaman dengan diiringi Menteri Besar Datuk Seri Ahmad Said.

Di Dungun, jumlah mangsa yang dicatat sehingga pukul 9 pagi ini ialah seramai 2,130 orang daripada 527 keluarga, di Hulu Terengganu seramai 1,654 orang (472 keluarga) dan Marang seramai 54 orang (14 keluarga).

Sementara itu Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri melaporkan paras air sungai di kebanyakan sungai utama berada pada paras bahaya.

Di KELANTAN, jumlah mangsa banjir bertambah pagi ini dengan jumlah yang dipindahkan ialah seramai 986 orang berbanding 538 orang malam tadi.

Menurut portal rasmi kerajaan negeri, Machang, Pasir Mas, Pasir Puteh dan Tanah Merah adalah antara jajahan terbaharu yang dilanda banjir.

Di Kuala Krai, seramai 646 orang daripada 149 buah keluarga ditempatkan di enam buah pusat pemindahan, manakala di Machang, seramai 71 orang dari 19 keluarga dipindahkan ke empat buah pusat pemindahan.

Di Pasir Mas, hanya 24 orang dari sebuah keluarga dipindahkan berikutan air Sungai Golok di Rantau Panjang yang dilaporkan melimpah.

Manakala di Pasir Puteh, seramai 109 orang dari 29 keluarga dipindahkan di tiga tempat pemindahan sementara di Tanah Merah, seramai 136 orang dari 38 keluarga berpindah ke tujuh pusat pemindahan.

Ketika ini bacaan paras air di Sungai Lebir, Sungai Kelantan dan Sungai Golok di Rantau Panjang telah melepasi paras bahaya manakala paras air di sungai-sungai lain dilapor terus meningkat.

Sehingga pukul 10 pagi, bacaan di Tualang, Sungai Lebir ialah pada paras 36.19 meter (bahaya 35 meter), Sungai Kelantan di Tangga Krai 25.35 meter (bahaya 25 meter) dan Jambatan Guillemard 17.15 meter (bahaya 16 meter).

Sungai Golok di Rantau Panjang pula kini mencatat bacaan 10.21 meter melepasi tahap bahaya sembilan meter dan dijangkakan jika paras air terus meningkat, lebih ramai mangsa di Pasir Mas akan berpindah.

Keadaan cuaca pagi ini terus mendung dengan sesekali hujan lebat di kawasan pedalaman.

Di MELAKA, Seramai 25 mangsa dari Kampung Parit Penghulu, Sungai Rambai, Jasin dipindahkan ke pusat pemindahan.

Penolong Setiausaha Majlis Keselamatan Negara Negeri Melaka, Mejar Jafri Mohamed berkata kesemua mangsa daripada lima keluarga itu dipindahkan ke Sekolah Kebangsaan Parit Penghulu sejak petang semalam setelah air Sungai Kesang melimpah ke kawasan rumah mereka.

"Walaupun hujan di negeri ini tidak lebat dan cuaca hari ini cerah, tetapi air sungai melimpah kesan aliran air sungai di beberapa kawasan di Johor yang mengalami hujan lebat," katanya.

Paras air Sungai Kesang kini pada tahap berjaga-jaga iaitu 3.12 meter.

Di JOHOR, cuaca cerah dilapor di daerah yang teruk dilanda banjir iaitu Mersing pada sebelah pagi, namun belum terdapat tanda banjir telah reda.

**Jabatan Meteorologi** melaporkan kawasan pantai Johor Timur masih terdedah kepada kenaikan paras air laut dan dijangka berterusan sehingga Isnin ini.

Ia turut mengeluarkan amaran angin kencang dan laut bergelora kategori kedua berikutan angin kencang timur laut dengan kelajuan 50-60 kmsj dan ombak setinggi 4.5 meter di kawasan perairan Pahang dan Johor Timur.

Sementara itu portal Majlis Keselamatan Negara (MKN) menyatakan setakat 11 pagi, jumlah mangsa banjir yang dipindahkan meningkat kepada 8,793 orang berbanding 8,705 malam tadi.

Mereka ditempatkan di 62 buah pusat pemindahan di daerah yang terkesan oleh banjir tersebut.

Mersing masih mencatat jumlah mangsa teramai yang dipindahkan iaitu 5,716 orang, diikuti Segamat (1,052); Kluang (1005); Pontian (409); Muar (217); Kota Tinggi (212); Batu Pahat (175); dan Ledang (tujuh).

-- BERNAMA